

**T**idak rugi berburu di pada tanah. Ia akan berjaya jika kita mengusahakannya."

Itu kata-kata azimat yang sentiasa diingati anak muda ini, Ramana K Naidu, 26, yang kini mengusahakan 81 hektar tanah pelbagai tanaman termasuk jagung bijirin.

Ramana sanggup berhenti kerja sebagai juruterbang di sebuah syarikat penerbangan di Thailand untuk 'berbudi pada tanah' dengan hasil yang lumayan.

Dalam usia masih muda, pemuda kelahiran Kedah itu memiliki syarikat Famox Agrotech Sdn Bhd selepas usahanya untuk mendapatkan pekerjaan di Malaysia sebagai juruterbang mengambil masa agak lama.

"Saya pulang ke negara ini pada 2011 dan cuba meminta pekerjaan di dua syarikat penerbangan di Malaysia, bagaimanapun saya diminta menunggu selama enam bulan.

"Dalam tempoh berkenaan, saya terfikir mempunyai komitmen yang besar untuk menyara keluarga hingga mendapat idea menjadi usahawan makanan," katanya ketika ditemui di Konvensyen Agropreneur Muda dan Pameran Produk 2016 yang dirasmikan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek di sebuah hotel, di sini, semalam.

Dalam ucapannya, Ahmad Shabery mahu usahawan menjadikan Ramana contoh terbaik berikutnya usaha anak muda itu menanam jagung bijirin dan mengurangkan kebergantuan

**Komitmen besar untuk Sara keluarga hingga dapat idea jadi usahawan makanan Ramana**

# Jagung 'awan biru'

**Juruterbang berhenti kerja berbudi pada tanah raih hasil lumayan**



RAMANA dan rakanya menunjukkan jagung bijirin yang siap untuk dituai.



RAMANA menunjukkan hasil tanamannya.

## Kaji hasil tanaman kedua negara

**Kuala Lumpur:** Penyelidikan khusus akan dilakukan kerajaan bagi memastikan tanaman jagung dijadikan hasil tanaman kedua negara.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, ini kerana negara perlu mengimpor jagung dan kacang soya dengan kos RM5 bilion setahun.

"Kadar kebergantungan import dua produk ini dilihat sangat membimbangkan menyebabkan kementerian perlu melakukan beberapa penyelidikan dan kajian untuk membantu usahawan asas tani mengusahakan tanaman jagung.

"Setiap tahun, kami import RM3.2 bilion

jagung iaitu empat juta metrik setahun, manakala kacang soya RM1.8 bilion. Kami perlu melakukan sesuatu bagi mengurangkan kos pengimportan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Konvensyen Agropreneur Muda dan Pameran Produk, di sini, semalam.

Konvensyen itu menghimpunkan ratusan usahawan bagi memberi gambaran jelas kepada generasi muda dalam menanamkan minat terhadap pertanian.

Ahmad Shabery berkata, pelbagai aspek teknikal perlu diambil kira berikutan Malaysia belum mempunyai kepakaran khas dalam menanam jagung mengikut skala yang besar.

ngan import bahan makanan utama ayam itu yang berjumlah empat juta met-

rik tan bernilai RM3.2 bilion setahun.

Ramana berkata, dia mula

mengusahakan 0.4 hektar tanah tanaman kacang panjang di atas tanah milik in-

dividu lain di Kampung Buang, Merbok, Kedah.

"Tanaman lelaki warga asing itu hampir boleh dituai, tetapi disebabkan masalah tertentu, dia perlu pulang ke negaranya dalam tempoh terdekat.

"Disebabkan itu, saya terus mengambil alih tanamannya dengan bayaran RM2,000 dan hasilnya saya menerima pulangan sebanyak RM14,000 daripada keseluruhan kacang panjang yang dijual," katanya.

Menurutnya, walaupun berhujan dan berpanas mengerjakan tanah hampir empat tahun, dia berbangga apa dicapainya kini menjadi rujukan kepada kerajaan sebagai perintis projek tanaman jagung bijirin.